

15 MAY 2003

Nasyo-Malaysia/I

NASYO PINDAH PEJABAT DARI IRAQ KE MALAYSIA

Oleh: R. Ravichandran

MELAKA, 15 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Pelajar dan Belia Berkecuali (Nasyo) bercadang memindahkan ibu pejabatnya di Baghdad, Iraq ke Malaysia, kata timbalan setiausaha agungnya N. Bossoondoyal hari ini.

Bercakap kepada Bernama selepas berakhir persidangan meja bulat pemimpin-pemimpin belia dunia di sini, beliau berkata operasi di Baghdad tidak lagi sesuai dalam keadaan semasa politik dan keselamatan di negara Arab itu.

Beliau berkata ibu pejabat Nasyo turut mengalami kerosakan akibat pengeboman semasa pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya.

Bossoondoyal berkata satu lagi faktor yang mendorong pemindahan itu ialah Malaysia pada masa kini merupakan pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Beliau berkata Nasyo menyokong usaha Malaysia untuk menyuburkan semula pertubuhan yang dianggotai 114 negara itu dan meletakkannya di atas landasan sebenar berdasarkan dasar dan prinsip asasnya.

"Saya lihat penyuburan semula NAM berjalan lancar...membawa perubahan demi kepentingan negara anggota," kata Bossoondoyal yang berada di Iraq selama 10 tahun sehingga bermulanya pencerobohan.

Nasyo bergerak secara bebas dan tidak mempunyai ikatan dengan NAM.

Bossoondoyal berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini mempengerusikan NAM, terkenal di peringkat antarabangsa sebagai wira yang memperjuangkan nasib negara membangun dan miskin.

Beliau berkata dengan dasar dan polisi Nasyo yang serupa dengan NAM serta Malaysia pula sebagai pengerusinya, suara Dunia Ketiga akan lebih kedengaran.

Nasyo diwujudkan di Baghdad pada April 1993 dan mempunyai anggota bersekutu di 100 buah negara termasuk Malaysia.

Ia merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang dianggotai persatuan pelajar dan belia yang memperjuangkan antaranya hak sama rata antara lelaki dan wanita, keamanan, pelucutan senjata, menentang imperialisme, zionis dan perkauman.

Pertubuhan itu mempromosikan prinsip berkecuali, sistem pendidikan dan hak yang lebih baik bagi pelajar dan belia, keadilan ekonomi, sosial dan budaya.

Bossoondoyal juga berkata Nasyo berpendapat NAM perlu disusun semula dengan mencontohi sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan membentuk agensi meliputi bidang seperti politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan.

Beliau juga menggesa NAM mewujudkan agensi yang mengumpul dan menyebarkan berita dan maklumat tepat mengenai negara-negara anggota.

Bossoondoyal berkata perkembangan di Yugoslavia, Afghanistan dan Iraq menunjukkan betapa media Barat hanya menyalurkan berita yang berat sebelah.

"Sebelum ini kita dapat saksikan anggota NAM kurang memberi perhatian kepada pertubuhan itu...tetapi kini dengan Dr Mahathir dan Malaysia telah mengubah persepsi dengan menghidupkan semula pergerakan itu," tambahnya.

-- BERNAMA

RV MFJ MOZ